

23/02/2003

NAM dapat akhiri kezaliman rejim Israel

PUTRAJAYA: Pendirian tegas mengenai isu Palestin pada sidang kemuncak Negara-Negara Berkecuali (NAM) adalah permulaan gerakan sedunia yang dapat mengakhiri kezaliman rejim Israel selama lebih 50 tahun terhadap penduduk negara itu.

Datuk Bandar Jenin, Walid Musa Abu Mowes, berkata sebagai negara kecil dan daif, suara tegas NAM akan menarik perhatian dan sokongan masyarakat dunia terhadap penindasan yang dilakukan Zionis terhadap rakyat Palestin.

Katanya, Palestin meletakkan harapan tinggi kepada NAM bagi memulakan pergerakan memaksa rejim itu mematuhi semua ketetapan dan resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Hanya NAM dapat membantu perjuangan kami dan berharap organisasi ini dapat melakukannya kerana penderitaan kami sudah berlarutan lebih 55 tahun.

"Resolusi NAM dan tekanan dari seluruh dunia mampu mengubah keadaan buruk di Palestin dan mengakhiri pembunuhan yang dilakukan setiap hari terhadap rakyat kami.

"Kami juga percaya sebarang resolusi akan disokong semua rakan kami termasuk beberapa kuasa besar dunia dan kami berharap Amerika Syarikat dapat memahami perkara itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini semalam.

Pada pertemuan itu, Walid Musa menjelaskan mengenai penderitaan dan kesengsaraan hidup penduduk bandar Jenin yang kini di ambang kehancuran akibat serangan tidak henti tentera Zionis.

Tindakan ketenteraan di Wilayah Jenin, yang dilakukan hampir setiap hari, memusnahkan kemudahan awam, sistem pembedaan, bekalan air dan elektrik, sekolah, hospital serta jalan raya selain meragut nyawa rakyat termasuk kanak-kanak.

Selain itu, kira-kira 5,000 termasuk 1,360 rumah di Bandar Jenin dimusnahkan tentera Israel yang memasuki bandar itu menggunakan kereta kebal dan helikopter penyerang. Kira-kira 50,000 penduduk bandar itu hidup dalam kebimbangan setiap hari.

Tentera Israel mendakwa bandar itu menjadi tempat latihan militan yang menentang Israel.

Walid Musa yang tiba di sini sempena sidang kemuncak NAM berkata, beliau mengambil masa tiga hari untuk sampai ke Amman, Jordan sebelum berlepas ke Malaysia, walaupun jarak perjalanan hanya kira-kira 80 kilometer dari bandarnya ke ibu negara Jordan.

Ini berikutan sekatan dan tekanan di sempadan yang dikenakan Israel.

Walaupun menempuh pelbagai masalah, Walid Musa berkata: "Kami hanya mahu hidup aman damai di bumi sendiri. Kami mahu menghabiskan sisa hidup bersama anak kami di bumi sendiri.

"Ini adalah impian kami. Selepas lebih 50 tahun dan banyak nyawa terkorban, kami berharap impian itu akan tercapai juga."

Mengenai pertemuan dengan Perdana Menteri, Walid Musa berkata, beliau menyampaikan penghargaan Presiden Palestin, Yasser Arafat dan seluruh rakyat Palestin terutama dari Bandar Jenin atas sokongan Dr Mahathir berhubung isu Palestin.

Beliau juga berkata, Malaysia bersetuju menderma AS\$530,000 (kira-kira RM2.01 juta) yang dicadang ditingkatkan kepada AS\$1juta (RM3.8 juta) bagi membina semula dua sekolah dan pusat kesihatan di Bandar Jenin.